



KENYATAAN MEDIA
PEJABAT TIMBALAN PERDANA MENTERI

MESYUARAT JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA PUSAT (JPBP)
BILANGAN 1/2024

Hari ini saya telah mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat Bilangan 1 bagi tahun 2024 yang turut dihadiri oleh Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri selaku Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN); dan Agensi-agensi Teknikal serta Agensi-agensi Tindak Balas.

Mesyuarat dimaklumkan oleh Jabatan Meteorologi (MET Malaysia) bahawa negara dijangka menerima hujan pada paras purata di kebanyakan tempat dan sedikit atas purata (Sarawak dan barat Sabah) dalam tempoh Monsun Barat Daya yang bermula Mei sehingga September 2024. Selain itu, MET Malaysia juga meramalkan peralihan kepada El Niño and the Southern Oscillation (ENSO) neutral dijangka berlaku pada pertengahan 2024 manakala La Nina dijangka mula terbentuk pada suku ketiga 2024. Buat masa ini negara sedang berada di fasa peralihan monsun yang dijangka sehingga Mei 2024 manakala keadaan cuaca panas terutama di utara Semenanjung telah mula reda. Secara relatifnya, **Monsun Barat Daya dijangka akan membawa cuaca yang lebih kering dan kebanyakan negeri akan mengalami lebih banyak bilangan hari tanpa hujan. Ini akan menyebabkan pelbagai impak negatif meliputi kesan kesihatan, kekurangan bekalan air, kebakaran hutan/belukar, jerebu, dan sekiranya berpanjangan, kekurangan hasil pertanian.**

Saya juga telah dimaklumkan oleh Jabatan Alam Sekitar bahawa sejumlah **2,030 kes pembakaran terbuka telah disiasat dengan 9 kes telah dibawa ke mahkamah, 630 dirujuk ke agensi lain, sementara 100 kompaun berjumlah RM200,000 telah dikeluarkan bagi tempoh 1 Januari - 30 April 2024.**

Mesyuarat pada hari ini turut mengambil maklum **Sistem Pangkalan Data Hidrogeologi myGEMS** milik **Jabatan Mineral dan Geosains (JMG)** serta ketersediaan sumber air bawah tanah yang boleh diguna pakai sebagai sumber air alternatif termasuk untuk pemadaman kebakaran di kawasan tanah gambut. Terdapat 640 buah telaga aktif untuk kegunaan domestik dan 104 buah telaga di kawasan gambut dan hutan dengan kapasiti 176.13 juta liter sehari (MLD).

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Peringkat Negeri (JPBN) diminta untuk mengambil langkah yang sewajarnya untuk bersama-sama menghadapi situasi ini dengan meminta pengendali air untuk meningkatkan kecekapan operasi mereka serta menyediakan sokongan logistik untuk memobilisasi bekalan air ke kawasan terjejas. Bagi operasi untuk memadam sebarang kebakaran, agensi-agensi tindak balas pula berada pada tahap siapsiaga dengan persediaan logistik sewajarnya untuk menghadapi kebakaran terbuka.

Saya juga mengingatkan semua agensi yang terlibat sentiasa mengambil langkah aktif dalam mengurangkan risiko bencana. Ia boleh dilaksanakan melalui tadbir urus yang cekap berlandaskan pengurangan risiko bencana dalam perancangan pembangunan, guna tanah, pengurusan air dan penyelenggaraan yang tertakluk di bawah kuasa negeri perlu diberikan penekanan bagi mengelakkan bencana dari terus berlaku dan memastikan pembangunan mampan untuk kesejahteraan rakyat khususnya generasi akan datang.

Dalam mesyuarat yang sama juga saya turut melancarkan **Buku Garis Panduan Pelaksanaan Pengurusan Risiko Bencana Berasaskan Komuniti (CBDRM)** di Malaysia. Buku garis panduan ini yang dihasilkan NADMA dengan kerjasama Kolej Pengajian Kejuruteraan, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam serta sokongan daripada agensi Kerajaan, ahli akademik dan badan-badan bukan kerajaan (NGO) adalah bertujuan untuk memastikan program CBDRM ini dapat dilaksanakan secara efektif di setiap peringkat Jawatankuasa Pengurusan Bencana di Negeri dan Daerah serta menyeragamkan pelaksanaan program CBDRM di Malaysia selaras dengan matlamat untuk membentuk sebuah komuniti yang berdaya tahan (*resilient community*) terhadap bencana melalui aktiviti kesiapsiagaan. Garis panduan ini boleh dimuat turun di laman sesawang NADMA di www.nadma.gov.my.

Secara keseluruhannya, saya berpuas hati dengan persiapan oleh agensi-agensi Kerajaan bagi menghadapi cuaca panas dan kering semasa musim Monsun Barat Daya.

-TAMAT-

DR. AHMAD ZAHID HAMIDI

Timbalan Perdana Menteri

Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat

14 Mei 2024